

15 JAN 1998

KL AKAN BERI PANDANGAN MENGENAI KRISIS EKONOMI KEPADA KETUA IMF

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan pandangannya mengenai krisis kewangan dan ekonomi sekarang kepada Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang dijadual tiba di sini petang ini untuk lawatan dua hari.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini bahawa kerajaan akan memberi penerangan tentang keadaan di Malaysia kepada ketua IMF itu.

"Kita akan beritahu pendapat kita, pandangan kita," kata beliau apabila ditanya tentang sebab Camdessus datang ke Malaysia sedangkan Kuala Lumpur tidak meminta bantuan IMF.

Dr Mahathir berkata Camdessus datang ke Malaysia tahun lepas kerana rundingan dengan pemimpin Malaysia dan telah juga menghadiri persidangan dan pameran kewangan Asean pada 1-3 Dis lepas.

Camdessus dijadualkan menemui Dr Mahathir esok.

Petang ini beliau mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan di Perbendaharaan.

Beliau juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai Bank Negara dan Perbendaharaan.

Camdessus sedang melakukan lawatan ke beberapa negara Asia termasuk Korea Selatan dalam usaha meredakan krisis ekonomi yang dihadapi rantau ini sekarang. Beliau kini di Indonesia.

Camdessus akan berlepas ke Singapura esok. -- BERNAMA

ES NMO